

BAB 5 Aplikasi Teknologi

5.1 Reka Bentuk Sistem Fertigasi

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
5.1	Reka Bentuk Sistem Fertigasi	5.1.1	Mentakrifkan sistem fertigasi	Buku Teks m.s 103 – 119	Soalan 1 Soalan 2	TP 1 60 – 61
5.1.2		5.1.2	Mengenal pasti komponen utama fertigasi dalam penyediaan reka bentuk			
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, kertas sebak, pen penanda yang berlainan warna		Team Word Web		–		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		–		Bekerjasama		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan sistem fertigasi kepada murid.						
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diberikan sehelai kertas sebak dan beberapa pen penanda yang berlainan warna.						
3. Seorang murid dalam setiap kumpulan menulis topik “Sistem Fertigasi” di tengah-tengah kertas sebak.						
4. Setiap murid dalam kumpulan secara bergilir-gilir perlu menuliskan definisi, ciri-ciri, kelebihan, dan tujuan menanam secara fertigasi dengan pen penanda yang berlainan warna.						
5. Setiap kumpulan secara bergilir-gilir perlu membentangkan hasil kerja mereka di hadapan kelas.						
6. Murid menjawab Soalan 1 – 2 dalam buku POWER UP halaman 60 – 61.						
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
5.1	Reka Bentuk Sistem Fertigasi	5.1.2	Mengenal pasti komponen utama fertigasi dalam penyediaan reka bentuk fertigasi	Buku Teks m.s 108 – 119	Soalan 3	TP 2 62
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, kertas A4, pen		Rally Table		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta buih		Bekerjasama		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang komponen utama sistem fertigasi dan komponen sistem fertigasi komersial.						
2. Guru membahagikan kelas kepada beberapa pasangan murid dan setiap pasangan dibekalkan dengan sehelai kertas A4 dan sebatang pen.						
3. Setiap pasangan secara bergilir-gilir dengan menggunakan pen dan kertas yang sama perlu membuat peta buih berkaitan dengan komponen dalam sistem fertigasi, iaitu komponen utama dan komponen komersial.						
4. Murid menjawab Soalan 3 dalam buku POWER UP RBT halaman 62.						
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
5.1	Reka Bentuk Sistem Fertigasi	5.1.4	Menganalisis elemen reka bentuk dalam sistem fertigasi	Buku Teks m.s 122 – 123	Soalan 5 Soalan 6	TP 4 64 – 65
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, kertas soalan dan bola ping pong		Circle time		Menganalisis		

EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kreativiti dan inovasi		Peta buih	Berdikari, bekerjasama		
Cadangan PdPc					
1. Guru akan menerangkan tentang elemen reka bentuk dalam sistem fertigasi.					
2. Murid perlu duduk dalam satu bulatan dan akan diberikan sebiji bola ping pong.					
3. Bola ping pong akan terus bergerak daripada seorang murid ke seorang murid yang lain dan akan berhenti bergerak sehingga diberitahu oleh guru.					
4. Guru perlu menyediakan beberapa set soalan berbentuk kuiz berkaitan elemen reka bentuk dalam sistem fertigasi yang akan dibacakan kepada murid yang memegang bola ping pong.					
5. Murid perlu menjawabnya pada masa yang telah ditetapkan. Rakan lain boleh menambah atau membetulkan jawapan murid.					
6. Murid menjawab Soalan 5 – 6 dalam buku POWER UP RBT halaman 64 – 65.					
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	
Standard Kandungan (SK)				Halaman	
5.1 Reka Bentuk Sistem Fertigasi		5.1.5 Menilai lakaran reka bentuk baharu sistem fertigasi		Soalan 7	TP 5
		Buku Teks m.s 124 – 125		66 – 67	
BBM		PAK-21		KBAT	
Buku teks, gambar lakaran beberapa produk dan kertas A4		Perbincangan		Menganalisis	
EMK		i-THINK		Nilai Murni	
Bahasa		–		Bekerjasama	
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan cara menilai maklumat yang ada pada lakaran yang dipilih.					
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan akan menerima sekeping gambar lakaran baharu sistem fertigasi bersama sekeping kertas A4.					
3. Dalam kumpulan, murid perlu berbilang dan menilai lakaran produk tersebut.					
4. Analisis lakaran perlu dicatatkan dalam kertas A4.					
5. Murid menjawab Soalan 7 dalam buku POWER UP RBT halaman 66 – 67.					
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	
Standard Kandungan (SK)				Halaman	
5.1 Reka Bentuk Sistem Fertigasi		5.1.6 Membina mock-up atau model struktur reka bentuk baharu sistem fertigasi		Soalan 8	TP 6
		Buku Teks m.s 126 – 129		68 – 69	
BBM		PAK-21		KBAT	
Botol plastik 500 ml, paip akuarium, straw		Table cloth		Mengaplikasi	
EMK		i-THINK		Nilai Murni	
Kelestarian alam sekitar		–		Bekerjasama	
Cadangan PdPc					
1. Murid menjawab Soalan 8 dalam buku POWER UP RBT halaman 68 – 69.					
2. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan.					
3. Setiap kumpulan akan membina model struktur fertigasi dengan menggunakan bahan terbuang.					
4. Kemudian setiap kumpulan akan melengkapkan jadual penilaian yang dilakarkan di atas kertas sebak yang diletakkan di atas meja secara bergilir-gilir.					
5. Murid membentangkan jawapan di hadapan kelas.					
6. Guru memberikan ulasan dan kesimpulan.					